

INFOKUS



Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Marin UMT

Sinergi Industri-Maritim
dan Akademik

FSSM Bersama 'Citizen
Scientist'

Santuni Masyarakat Orang Asli Kuala Koh

Program Kesedaran
Awam Dan Khidmat
Masyarakat

Ubah Tanggapan Negatif Terhadap Ular



eISSN 2716-6457




9 772716 645004

Terkini di pasaran



**Amanat Naib Canselor 2023
Merancang Daya Intellektual,
Kesohoran Reputasi**


Mazlan Abd Ghaffar
ISBN: 978-629-7625-01-0
2023



**Decision Making Trial and
Evaluation Laboratory Based
Methods: Applications Under
Uncertainty**

- Mohd Lazim Abdullah
- Nor Azzah Awang

ISBN: 978-629-7625-02-7
2023



**Proceedings of the Seminar
on Kenyir State Park Scientific
Expedition**

Penyunting:

- Amirrudin Ahmad
- Mohamad Aqmal-Naser
- Muhamad Fatimah Syafiq

ISBN: 978-967-2793-95-3
2023

like and follow us on



penerbitumt

Sidang Redaksi



Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar



Penasihat

Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



Ketua Pengarang

Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Penolong Editor

Muhammad Amir Nazmi Alihad

Pembaca Prof

Nur Masyitah Najihah Che Mohd
Siti Nur Natrah Zulkornaini

Jurufoto

Kru Media Kreatif

Kandungan

- 4** Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Marin UMT Sinergi Industri Maritim dan Akademik
- 8** FSSM Bersama 'Citizen Scientist' Santuni Masyarakat Orang Asli Kuala Koh
- 12** Kembara Ilmu Penyelidik Pelawat ke TIAME National Research University,Uzbekistan
- 14** Pelajar FPM Raih Anugerah Pembentang Terbaik di Program Mobiliti UNESCO
- 16** Kunjungan Delegasi TerSU Uzbekistan ke FTKKI Buka Potensi Kerjasama
- 18** Program Kesedaran Awam dan Khidmat Masyarakat Ubah Tanggapan Negatif Terhadap Ular
- 19** Alumni Sains Komputer Tubuh Chapter Alumni
- 20** FTKKI Summer School 2023 Terima Peserta dari India dan Indonesia
- 22** Bengkel Pemprosesan Produk Sahut Langkah Kerajaan ke Arah Keterjaminan Makanan
- 23** Alumni FTKKI Sedia Peluang Latihan Industri kepada Bakal Alumni
- 24** FPSM Kongsi Ilmu Bersama Warga Emas Hasilkan Aneka Tart
- 25** Alumni *Chapter* Melaka Berhasrat Laksana Kemasyarakatan
- 26** Renungan

Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Marin UMT **Sinergi Industri Maritim dan Akademik**

Oleh: Rozita bt. Alias @ Abdul Latiff
Pejabat Komunikasi Korporat



Penyertaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam Langkawi International Aerospace Maritime 2023 (LIMA) sememangnya tidak asing lagi. UMT telah menyertai beberapa siri ekspedisi penyelidikan saintifik marin yang telah berjaya dijalankan semasa LIMA 2015, LIMA 2017 dan LIMA 2019 dengan menggunakan Kapal Research Vessel Discovery atau RV-Discovery yang direka bentuk khusus bagi tujuan penyelidikan oseanografi dan sains marin.

Pada tahun ini, sekali lagi UMT menyertai ekspedisi ini yang telah bermula di Duyong Marina Resort serta dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu.

Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Marin bersempena LIMA 2023 diadakan sepanjang Selat Melaka bermula pada 17 sehingga 21 Mei 2023. Pelayaran yang bermula dari Kuala Terengganu pada 14 Mei 2023 singgah

sementara di Pelabuhan Klang sebelum memulakan aktiviti persampelan di 19 buah stesen terpilih. Seterusnya, ekspedisi tersebut akan bergerak ke Langkawi bagi menyertai program LIMA 2023.

Untuk rekod, ekspedisi penyelidikan ini ditanggung di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ini menggabungkan sembilan penyelidik dari pelbagai bidang khususnya dalam kajian oseanografi seperti oseanografi fizikal, oseanografi geologi, oseanografi biologi dan oseanografi kimia.

Menariknya, pelayaran ini diketuai oleh saintis wanita iaitu Dr. Nur Hidayah Roseli yang juga merupakan pakar dalam bidang oseanografi fizikal dan turut disertai oleh dua penyelidik serta dibantu oleh tiga pegawai teknikal dan sembilan pembantu penyelidik dalam bidang masing-masing.





Kerja-kerja persampelan yang dilakukan termasuk mengambil sampel air bagi kajian mengenai plankton, nutrien dan tahap keasidan air laut. Seterusnya, data arus laut dan ciri-ciri fizikal air juga diukur menggunakan peralatan berteknologi tinggi bagi mengetahui proses fizikal laut ketika persampelan dilakukan.

Selain itu, data sedimen yang diambil digunakan untuk mengkaji taburan dan jenis hidupan bentik di kawasan itu selain dapat mengenal pasti keadaan masa lampau sedimen terhidap tersebut dengan membuat kajian terhadap *foraminifera*.

Kesemua data yang diperolehi ini akan dibawa ke makmal untuk analisis seterusnya. Hasil dapatan biasanya diterbitkan dalam jurnal saintifik atau dibentangkan dalam persidangan.

Mengimbau kembali sejarah, ekspedisi LIMA yang dilaksanakan sebelum ini telah memberikan impak yang besar kepada aktiviti penyelidikan marin dan Citra UMT sebagai universiti peneraju dalam bidang penyelidikan marin dan maritim negara.

Malah, perjalanan pulang RV-Discovery daripada LIMA dapat dijadikan medium pembelajaran kepada pelajar-pelajar Ijazah Sains Nautika sebagai amali lapangan yang

berkesan dalam mempraktikkan ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr. Mazlan Abd Ghaffar juga amat berharap Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Marin pada kali ini memberi hasil dapatan kajian yang lebih terperinci melalui penerbitan jurnal pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Tambahnya, hasil dapatan ini mampu membantu negara dan Kerajaan Negeri Terengganu khususnya dalam menyalurkan informasi berkaitan dengan status dapatan saintifik terkini penyelidikan oseanografi dari aspek biologi, kimia dan fizikal di perairan semenanjung Malaysia secara lebih informatif dan tepat.

Hasil dapatan ini seterusnya boleh diterjemahkan kepada masyarakat untuk membantu meningkatkan taraf hidup khususnya kepada komuniti nelayan dan pesisir pantai negara ini.

Kejayaan ekspedisi penyelidikan saintifik marin ini bertepatan dengan bidang tujahan “Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik”, UMT terus berada dalam kelasnya yang tersendiri dalam kalangan universiti berfokus lain khususnya di Asia.

1. Ketua Saintis wanita, Dr. Nur Hidayah Roseli yang juga merupakan pakar dalam bidang oseanografi fizikal.





FSSM Bersama 'Citizen Scientist' Santuni Masyarakat Orang Asli Kuala Koh

Oleh: Prof. Madya Dr. Rohani Shahrudin
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Masyarakat peribumi orang asli merupakan kumpulan minoriti di Semenanjung Malaysia yang kaya dengan sejarah dan budaya yang unik. Masyarakat ini mendiami kawasan berhampiran dengan hutan di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Salah satu suku orang asli di Malaysia ialah Bateq yang boleh ditemui di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Perkampungan orang asli Kuala Koh, Kelantan, yang mengambil masa pemanduan lebih kurang dua jam setengah dari UMT turut menjadi penempatan masyarakat orang asli

suku Bateq. Bagi mengenali dan mendalami kehidupan masyarakat orang asli Kuala Koh, Kelab Pelajar Program Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti (Program Biodiversiti), Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), telah menganjurkan program Biod-Eksplorasi yang telah diadakan pada 3 Jun 2023.

Dengan penyertaan seramai 39 orang pelajar, program ini bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan pelajar UMT tentang cara hidup orang asli serta mengembangkan potensi serta kreativiti pelajar melalui interaksi bersama masyarakat orang asli.



Apa yang menariknya, idea untuk menyantuni masyarakat orang asli timbul apabila beberapa orang pelajar program Biodiversiti tertarik dengan foto-foto di media sosial yang dikongsi oleh Encik Suzairi Zakaria, atau lebih dikenali dengan Dome Nikong. Beliau yang merupakan jurugambar profesional telah melibatkan diri dengan masyarakat orang asli sejak tahun 2009 dengan mendokumentasi kehidupan masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia.

Dome yang juga turut dikenali sebagai 'Citizen Scientist' sebenarnya tidak asing lagi dalam kalangan pensyarah FSSM, terutamanya pensyarah Program Biodiversiti kerana beliau merupakan bekas Karyawan Tamu bagi FSSM. Hubungan yang telah terjalin di antara Dome dan pensyarah Program Biodiversiti memudahkan program Bio-Eksplorasi ini untuk direalisasikan.

Perjalanan peserta ke Kuala Koh agak mendebarakan kerana perlu melalui jalan ladang kelapa sawit yang sempit. Ketibaan peserta di perkampungan orang asli Kuala Koh disambut oleh Jai yang merupakan wakil masyarakat orang asli dan turut kelihatan beberapa orang kanak-kanak dan wanita mula mendatangi dewan terbuka tempat para peserta berkumpul.

Perbualan peserta bersama orang asli pada mulanya agak sukar mungkin disebabkan



oleh sifat pemalu mereka dan juga halangan bahasa. Namun, dengan bantuan Dome Nikong halangan bahasa dapat diatasi dan mereka sedikit demi sedikit menjadi lebih mesra dengan peserta.

Program Biod-Eksplorasi dibahagikan kepada dua aktiviti iaitu pemindahan ilmu daripada pelajar UMT kepada anak-anak orang asli dan aktiviti pembelajaran mengenai pokok-pokok hutan yang digunakan oleh masyarakat orang asli.

1. Aktiviti 'rantai makanan' antara peserta daripada UMT dan anak-anak orang asli.
2. Antara figura yang dihasilkan oleh anak-anak orang asli.
3. Peserta program Biod-Eksplorasi bergambar bersama anak-anak orang asli.
4. Aktiviti menyisih sampah mengikut kategori.



5

Bagi aktiviti pertama, anak-anak orang asli dipecahkan kepada kumpulan kecil dan dibantu oleh pelajar UMT yang bertindak sebagai fasilitator. Fasilitator mengajar anak-anak orang asli mengenai konsep rantai makanan dengan membina model organisma seperti haiwan dan tumbuhan daripada plastisin. Objektif aktiviti ini adalah untuk mencetus minat anak-anak orang asli terhadap sains dengan memahami perkara asas yang berlaku di sekeliling mereka.

Anak-anak turut diajar untuk mengenali sampah organik dan sampah bukan organik. Aktiviti ini agak signifikan memandangkan banyaknya sampah tidak organik seperti plastik dan polisterin di persekitaran mereka yang berkemungkinan besar akan menyebabkan masalah kesihatan persekitaran pada masa akan datang. Program bersama anak-anak orang asli diakhiri dengan aktiviti mengutip sampah di sekitar dewan dan kawasan rumah mereka.



6



Aktiviti seterusnya melibatkan peserta program dari UMT dan beberapa orang asli yang diketuai oleh Jai. Kami dibawa berjalan menyusuri hutan berhampiran kampung Kuala Koh selama satu jam setengah sambil Jai memberi penerangan mengenai pokok-pokok hutan yang terdapat di sepanjang perjalanan. Dua orang wanita orang asli yang bersama dengan kami telah menunjukkan cara bagaimana mereka mencari ubi takob yang merupakan antara makanan ruji masyarakat Bateq. Eksplorasi tumbuhan hutan diakhiri dengan Jai menunjukkan pondok asal mereka yang dibina dengan menggunakan beberapa jenis daun daripada keluarga palma. Jai menutup penerangan beliau dengan berkongsi dengan peserta mengenai cabaran masa kini yang dialami oleh masyarakat Bateq di situ.

5. Peserta bersama anak orang asli mengutip sampah yang terdapat di persekitaran kampung
6. Wakil orang asli, Jai sedang menyampaikan maklumat kepada peserta mengenai pokok di dalam hutan Kuala Koh.
7. Demonstrasi mencari ubi takob oleh wanita orang asli.
8. Salah seorang peserta UMT bergambar dengan Dome Nikong, individu yang menjadi inspirasi kepada mereka dalam memelihara alam sekitar.

Kembara Ilmu Penyelidik Pelawat ke **TIIAME National Research University, Uzbekistan**


Oleh: Prof. Madya Dr. Akmalia M. Ariff
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, UMT



“Apabila kita mengajar, kita juga sebenarnya belajar dengan lebih baik”. Begitulah bagaimana saya menggambarkan lawatan kerja ke TIIAME National Research University (TIIAME NRU), Tashkent, Uzbekistan pada 15 Mei hingga 28 Mei 2023. Lawatan tersebut adalah sempena dengan pelantikan saya sebagai Penyelidik Pelawat di Fakulti Ekonomi, TIIAME NRU yang merupakan sebahagian daripada aktiviti kerjasama yang dirancang antara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), UMT dan TIIAME NRU. Saya telah diberi kepercayaan untuk mewakili FPEPS bagi lawatan kerja yang berfokuskan kepada pembangunan kapasiti staf akademik dalam aspek keterlibatan antarabangsa, kerjasama dalam pemindahan ilmu, penanda aras akademik, dan kerjasama saintifik antara FPEPS dan TIIAME NRU serta aktiviti promosi UMT.

Sebagai Penyelidik Pelawat, tugas dan tanggungjawab yang diberikan telah diselesaikan dengan jayanya. Kuliah, perbincangan dan aktiviti dalam topik Teori dan Amalan Perakaunan Kewangan bersama pelajar Ijazah telah memberikan mereka pengetahuan berhubung *International Financial Reporting Standards (IFRS)* sebagai persediaan dalam komitmen Uzbekistan terhadap pemakaian piawaian perakaunan antarabangsa yang berkualiti tinggi tersebut.

Selain itu, penyeliaan bersama dalam projek penyelidikan pelajar sarjana telah membuka ruang bagi beberapa siri perbincangan intelektual berhubung piawaian perakaunan antarabangsa untuk perusahaan agrikultur. Lawatan kerja tersebut juga memberikan peluang untuk memulakan projek penyelidikan menggunakan set data antarabangsa dalam



topik *Environmental, Social, and Governance (ESG)* bersama penyelidik antarabangsa. Selain itu, satu slot promosi telah dianjurkan oleh bahagian Kerjasama Antarabangsa, TIAME NRU bagi menyampaikan topik berhubung *'Education Opportunities in Malaysia'* yang juga mengandungi perincian berhubung 'kenapa' dan 'bagaimana' untuk melibatkan diri dalam program dan kursus yang ditawarkan di UMT.

Peluang untuk berada di Tashkent, Uzbekistan selama dua minggu tersebut telah juga memberikan banyak pengajaran yang berguna dalam pembangunan kapasiti saya sendiri. Dalam aspek pengajaran, sesi interaktif bersama pelajar Ijazah memberikan pemahaman mengenai kerangka perundangan melibatkan piawaian perakaunan yang diguna pakai oleh perusahaan di Uzbekistan serta cabaran-cabaran yang mungkin perlu diatasi oleh pengamal perakaunan di Uzbekistan dalam pemakaian piawaian perakaunan antarabangsa iaitu IFRS.

Dalam aspek penyelidikan, projek penyelidikan sedia ada boleh dikembangkan melalui perspektif baru berhubung piawaian perakaunan bagi perusahaan agrikultur



melibatkan jenis-jenis produk agrikultur yang unik di Uzbekistan serta kepentingannya bagi ekonomi negara tersebut. Selain itu, penyelidikan berhubung amalan perakaunan antarabangsa dapat diterokai dengan lebih mendalam dengan input yang diterima berhubung aspek sosial, budaya dan ekonomi yang membentuk kerangka institusi perusahaan di Uzbekistan.

Sebagai staf akademik, lawatan kerja ini merupakan aktiviti pengukuhan kapasiti yang berkesan dalam memantapkan sisi pandang berhubung pengajaran, penyelidikan dan pemindahan ilmu serta penglibatan komuniti. Peluang yang diberikan ini seharusnya diteruskan dan dirangka secara efektif agar selari dengan keperluan dan hasrat UMT dalam mencapai misi dan visi yang ditetapkan.

Pelajar FPM Raih Anugerah Pembentang Terbaik di Program Mobiliti UNESCO

Oleh: Alina Pannirselvam
Muhamad Nasir Rahmatdin
Fakulti Pengajian Maritim



Program Mobiliti Antarabangsa merupakan salah satu inisiatif untuk membina pemikiran intelektual mahasiswa dan mahasiswi universiti dalam memacu ke arah membina hubungan antarabangsa antara institusi akademik luar negara dan penerokaan ilmu pengetahuan yang luas. Program Mobiliti Second International UNESCO Model di Almaty, Kazakhstan yang telah berlangsung pada 22 hingga 23 Julai 2023 telah disertai oleh pelajar dari Fakulti Pengajian Maritim, Alina Pannirselvam. Program ini bertemakan World Heritage dan merupakan satu program yang dilaksanakan melalui sesi pembentangan dan perkongsian ilmu antara wakil delegasi dari pelbagai negara di seluruh dunia.

Seramai 40 orang peserta dari 20 negara telah terlibat iaitu berumur antara 16 hingga 22 tahun. Saudari Alina telah memilih Maliau Basin Conservation Area, Sabah sebagai tajuk pembentangan beliau untuk dicadangkan sebagai salah satu tapak warisan di dunia bagi persidangan tersebut.

Melalui persidangan tersebut, banyak perkara yang telah diperoleh melalui penjaan dan perkongsian ilmu pengetahuan. Antara input yang telah dipelajari adalah cara memilih dan menilai sesebuah tapak warisan. Tambahan lagi, saudari Alina juga dapat berkongsi pengetahuan tentang kriteria-kriteria tapak warisan dunia serta cara menyediakan pembentangan yang komprehensif.



Dalam masa yang sama, melalui persidangan tersebut, saudari Alina juga telah mengharumkan nama Malaysia khususnya UMT dengan memenangi salah satu anugerah iaitu *Best Speaker*. Pencapaian tersebut adalah berdasarkan pembentangan yang komprehensif merangkumi semua elemen yang diwajibkan serta mengandungi maklumat yang bersesuaian berkenaan Maliau Basin Conservation Area.

Di samping itu, program tersebut turut menyediakan satu slot lawatan sambil belajar ke

salah satu Tapak Warisan Dunia di Kazakhstan iaitu Tanbaly. Ia telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO kerana memiliki *petroglyphs* (ukiran batu) dan keistimewaan budaya yang terunggul di Kazakhstan.

Tuntasnya, persidangan ini merupakan satu program antarabangsa yang dapat memberikan inspirasi dan semangat kepada golongan muda terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Tapak Warisan Dunia. Persidangan seperti ini amat penting bagi memberi pendedahan kepada para pelajar melalui perkongsian ilmu pengetahuan yang luas serta peluang kepada pembinaan hubungan diplomatik yang baik antara pelbagai negara di dunia. Para pelajar seharusnya mengambil peluang sebegini untuk mengukuhkan kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri melalui pengucapan awam, kemahiran rundingan serta kepimpinan dalam membentuk jati diri seorang pelajar universiti pada peringkat antarabangsa.

1. Sesi ucapan pembukaan oleh semua delegasi daripada 20 negara.
2. Para peserta Second International UNESCO Model 2023.
3. Alina Pannirselvam melaksanakan pembentangan tentang Maliau Basin Conservation Area.
4. Alina turut meraih anugerah pembentang terbaik.

Kunjungan Delegasi TerSU Uzbekistan ke FTKKI Buka Potensi Kerjasama

Oleh: Dr. Nur Baini Ismail
Dr. Ruwaidiah Idris
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik



Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) menerima kunjungan delegasi dari Termez State University (TerSU), Uzbekistan pada 25 hingga 31 Mei 2023 sebagai permulaan kerjasama dalam penyelidikan, penyeliaan bersama, pertukaran kepakaran antara staf dan pertukaran pelajar bagi program mobiliti antara UMT dan TerSU. Delegasi ini terdiri daripada Rektor TerSU, Profesor Dr. Marakhimov Avazjon Rakhimovich bersama pembantunya, Dr. Jonuzokov Tulkin Uralovich dan dua profesor dari Jabatan Matematik Gunaan dan Informatik, TerSu iaitu Profesor Dr. Normurodov Chori Begalievich dan Profesor Dr. Allakov Ismail.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang lawatan enam hari antaranya sesi pengenalan kepada pengurusan FTKKI yang diadakan di Pusat Konvensyen UMT (UMTCC). Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Dekan FTKKI, Profesor Ir. Dr. Mohammad Fadhli Ahmad dan diikuti oleh ucapan bala oleh Profesor Dr. Marakhimov Avazjon Rakhimovich Dalam ucapannya, beliau sangat mengalu-alukan kerjasama antara UMT dan TerSU bagi memberi impak yang baik kepada pembangunan insan antara kedua-dua universiti.

Seterusnya, sesi di UMTCC diteruskan dengan perkongsian ilmu melalui kolokium



1



2



3



4

mini anjuran bersama, Special Interest Group Modelling and Data Analytics (SIGMDA) dan mendapat penyertaan luar biasa daripada pelajar matematik FTKKI. Dalam kolokium mini ini, Profesor Dr. Marakhimov Avazjon Rakhimovich, Professor Dr. Normurodov Chori Begalievich dan Profesor Dr. Allakov Ismail membentangkan tiga kertas penyelidikan dalam bidang Matematik yang telah membuka ruang lebih jelas mengenai kepakaran ketiga-tiga profesor. Dengan kepakaran yang mereka miliki, ruang kerjasama yang lebih luas dapat dijalinan dalam mengembangkan lagi sayap penyelidikan staf FTKKI ke peringkat antarabangsa.

Delegasi juga dibawa ke Pejabat Naib Canselor untuk bertemu dengan Naib Canselor UMT bagi membincangkan hubungan dua hala dan kerjasama jangka pendek dan jangka panjang antara kedua-dua universiti. Kemuncak

lawatan, satu majlis menandatangani surat hasrat (letter of intent) antara FTKKI, UMT dan TerSU telah dimeterai bagi mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua universiti. Pada majlis ini, pihak UMT diwakili oleh Dekan FTKKI, Profesor Ir. Dr. Mohammad Fadhli Ahmad manakala pihak TerSU pula diwakili oleh Profesor Dr. Marakhimov Avazjon Rakhimovich yang disaksikan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mazlan Abd. Ghaffar, Profesor Dr. Normurodov Chori Begalievich dan Profesor Dr. Allakov Ismail.

Dengan pemeteraian surat hasrat tersebut antara kedua-dua universiti, jalinan kerjasama antara kedua-dua universiti dapat diperkukuhkan melalui aktiviti-aktiviti yang bakal dirancang selain dapat melonjakkan hasil penyelidikan dan penerbitan bersama.

1. *Profesor Dr. Allakov Ismail menyampaikan kuliah matematik kepada para pelajar dan para staf akademik FTKKI.*
2. *Profesor Dr. Marakhimov Avazjon Rakhimovich menerangkan kekuatan bakat dan kemudahan yang dimiliki oleh TerSU.*
3. *Majlis menandatangani surat hasrat antara UMT dan TerSU yang disaksikan oleh Profesor Dato' Dr. Mazlan Abd. Ghaffar dan dua profesor Matematik dari TerSU.*
4. *Perbincangan kerjasama jangka masa pendek dan panjang antara kedua-dua universiti.*

Program Kesedaran Awam dan Khidmat Masyarakat

Ubah Tanggapan Negatif Terhadap Ular

Oleh:

Prof. Madya Dr. Ju Lian Chong
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, UMT

Dr. Evan S.H. Quah
Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, UMS

Ular adalah organisma yang sering ditemui oleh manusia dan dianggap berbahaya dan menakutkan. Terdapat 3600 spesies ular di seluruh dunia dengan 160 spesies daripada 14 famili boleh ditemui di pelbagai habitat dan ekosistem di Malaysia. Di sebalik kegerunan manusia terhadap haiwan ini, masih terdapat ramai yang tidak menyedari keunikan dan peranan ular dalam ekosistem.

Oleh yang demikian, satu program kesedaran awam dan khidmat masyarakat mengenai ular di Tanah Bencah Setiu, Terengganu telah diadakan pada 8 Julai 2023 di Fikri Wetland Guesthouse & Resort. Program ini dibiayai oleh geran Save The Snakes (STS), Amerika Syarikat diketuai oleh Prof. Madya Dr. Chong Ju Lian dari Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, UMT dengan melibatkan penceramah dari Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (ITBC), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Evan S.H. Quah yang juga penyelidik bersama bagi geran tersebut.

Seramai 18 peserta telah menghadiri program tersebut yang terdiri daripada ketua-ketua kampung dan daerah dari kawasan Setiu. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan spesies ular yang biasa ditemui di sekitar Tanah Bencah Setiu kepada komuniti setempat di samping mendidik orang ramai tentang fungsi penting ular dalam ekosistem dan faedahnya kepada manusia.

Program ini dirasmikan oleh Timbalan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Setiu, Encik Raja Faisal bin Raja Haron dan dijalankan secara santai bagi memudahkan para peserta lebih mesra dengan topik ular.

Dalam Ceramah yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Quah, beliau memberi penerangan mengenai konflik manusia-ular



dan langkah-langkah mitigasi, kesedaran akan gigitan ular dan pengurusannya serta meleraikan mitos dan maklumat salah mengenai ular.

Para peserta menunjukkan minat mendalam mengenai ular diselangi dengan sesi soal jawab yang sangat meriah dan proaktif. Setiap peserta juga dihadiahkan poster dan risalah mengenai ular di Tanah Bencah Setiu.

Program ini diharapkan dapat mendidik masyarakat lebih menghargai haiwan unik bernama ular dan peranan penting mereka di ekosistem sebagai pemangsa haiwan perosak dan juga mangsa kepada organisma lain.

1. Prof. Madya Dr. Chong Ju Lian (tengah) dan Prof. Madya Dr. Evan Quah (kanan) bersama Raja Faisal bin Raja Haron.

2. Prof. Madya Dr. Evan Quah menyampaikan ceramah beliau semasa program tersebut.

Alumni Sains Komputer Tubuh Chapter Alumni

Oleh:
Noorullaily binti Saffain
Pusat Alumni

Program Jejak Alumni @ Penubuhan Chapter Akademik Sains Komputer telah berlangsung pada 20 Mei 2023 bertempat di Pulse Grande Hotel, Putrajaya. Program yang bertemakan “*From Bytes To Bonding: Computer Science Alumni Reconnect*” untuk memberi ruang kepada Alumni yang hadir beramah mesra dengan rakan alumni dan juga bakal alumni. Turut hadir ke majlis, mantan Naib Canselor, Prof. Dato’ Dr. Aziz Deraman yang juga pengasas dan penggerak Kelab COMTECH.

Program ini berjaya menarik seramai 126 orang alumni yang mengimbau kembali nostalgia bersama rakan alumni dan pensyarah. Pada masa yang sama, Pusat Alumni turut memperkenalkan dan mempromosikan beberapa agenda pemerikasaan alumni UMT seperti kempen penyumbangan kembali alumni, respon alumni terhadap alma mater dalam pengukuran reputasi untuk QS Ranking serta hebahan kemasukan dan penawaran program pengajian yang ditawarkan oleh UMT untuk menarik lebih ramai kemasukan pelajar.

Pusat Alumni juga menjadikan program jejak alumni ini sebagai salah satu penanda aras dalam mencapai dua KPI yang ditetapkan di dalam Pelan Strategik UMT 2023-2027 (PSUMT 2023-2027) iaitu bilangan alumni yang terlibat dengan program universiti seramai 800 orang untuk tahun 2023 dan jumlah sumbangan diterima daripada alumni sebanyak RM3,000.00 untuk tahun 2023.

Program ini menjadi asas penubuhan chapter alumni yang dinaungi oleh Ts. Dr. Ily Amalina Ahmad Sabri yang merupakan Penyelaras Alumni Fakulti bagi program Komputer Informatik Maritim. Sempena program ini juga, seramai lapan orang alumni



telah menerima anugerah mengikut kategori yang telah dipertandingkan iaitu Profesor Madya Dr. Sakinah Ali Pitchay dinobatkan sebagai Ikon Akademik, Maharaj Faawwaz A Yusran dinobatkan sebagai Ikon Keilmuan manakala Ikon Wanita Unggul menjadi milik Noor Aslinda Hanaffiah.

Anugerah Ikon Teknologi Digital pula menjadi milik Mohd Azli Shafiq Shamsudin, Alagesan Hanipuyya menerima anugerah Ikon Berdaya Saing Global, Muhamad Ridhwan Musa meraih Ikon Keusahawanan manakala Mohd Zulkifli Mahmood dinobatkan Ikon Ilmu Budi dan Ikon Dedikasi menjadi milik Khairul Nizam Redzwan.

Program ini diserikan dengan perasmian cenderamata kerongsang Ozel dari Pusat Alumni yang turut dijual kepada alumni yang hadir. Program yang diuruskan sepenuhnya oleh pelajar ini merealisasikan pemerikasaan mahasiswa terutamanya dalam aspek pengurusan acara.

1. Alumni Sains Komputer bersama Pusat Alumni, Penyelaras Alumni dan Mantan Naib Canselor

FTKKI Summer School 2023

Terima Peserta dari India dan Indonesia

Oleh: Dr Nur Baini Ismail
Dr. Wiwied Virgiyanti
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Program Mobiliti Tahunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) iaitu “*FTKKI Summer School 2023: Digitalized Heritage and Culture*” telah berlangsung pada 31 Julai sehingga 13 Ogos 2023. Penganjuran kali kelima ini berjaya menarik penyertaan seramai 17 orang peserta dari dua negara iaitu lima orang peserta dari Dr. M.G.R Educational and Research Institute, India dan masing-masing dua dan sepuluh orang peserta dari Universitas Ahmad Dahlan (UAD) dan Universitas Komputer (UNIKOM) dari Indonesia serta seorang pensyarah pengiring dari Dr. M.G.R iaitu Dr. Alice Rufina.

Program ini mendapat kerjasama dari Pusat Antarabangsa, Pusat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPIJIM) serta dibantu oleh *buddies* yang dilantik dalam kalangan mahasiswa daripada bidang sains komputer dan matematik seramai tujuh orang.



Program berkredit ini masih mengekalkan format yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya dengan melibatkan empat sesi kuliah daripada lima orang pensyarah Matematik dan tiga sesi kuliah oleh lima orang pensyarah komputer bagi mendedahkan para peserta tentang beberapa konsep matematik yang boleh dikaitkan dengan warisan dan budaya negeri Terengganu. Para peserta dibimbing untuk menghasilkan video berdasarkan empat sesi lawatan warisan dan budaya seperti Kampung Budaya Terengganu, Lambo Sari, AZ Keropok, Masjid Kristal,





Perpustakaan Puan Rohani Longuet dan Pulau Duyong (pembuatan bot tradisional).

Di akhir program, para peserta yang telah dibahagikan kepada enam kumpulan perlu membentangkan satu projek multimedia berserta teknologi realiti terimbuh *augmented reality* yang memaparkan hasil rakaman video dari kerja lapangan serta mengaitkan konsep matematik yang merangkumi salah satu daripada lima skop iaitu sama ada seni bina, makanan tradisi, busana, seni tarian dan muzik, atau permainan tradisional. Selain lawatan warisan dan budaya, para peserta juga dibawa melawat sekitar UMT, Pulau Redang, Pasar Kedai Payang dan Kampung Cina bagi meneroka pelbagai keindahan budaya dan alam semula jadi negeri Terengganu.

Kemuncak program adalah majlis penutup yang diadakan di Pusat Konvensyen UMT (UMTCC) yang diserikan dengan persembahan kebudayaan, tayangan montaj, penyampaian sijil kepada semua peserta dan penyampaian anugerah bagi projek terbaik. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi dinobatkan sebagai pemenang “Anugerah Projek Terbaik” dan video yang mereka hasilkan telah ditayangkan semasa majlis penutup. Dalam ucapan penutup oleh Timbalan Naib Canselor Akademik (TNCA),

Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim, beliau melahirkan rasa kagum apabila melihat hasil projek yang telah dibentangkan. Ujarnya, “Menerusi tayangan video sebentar tadi, saya sangat kagum dengan perkaitan antara seni bina Islam dengan Matematik yang dipersembahkan. Saya yakin banyak lagi konsep matematik lain yang boleh kita teroka selain daripada aspek seni bina. Penerokaan luar kelas sebegini yang kita harapkan bagi mencapai objektif program mobiliti selain para peserta dapat mempelajari budaya setempat.”

Selesai majlis penutup, satu majlis menandatangani surat hasrat (letter of intent) antara FTKKI, UMT dan UNIKOM telah dimeterai bagi mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua universiti yang diwakili oleh Dekan FTKKI, Profesor Ir. Dr. Mohammad Fadhli Ahmad bagi pihak UMT dan Pengarah Penerbitan Antarabangsa, Dr. Senny Luckyardi, bagi pihak UNIKOM serta disaksikan oleh TNCA, Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim dan Pengarah PPIJM, Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan. Jalinan kerjasama ini diharapkan dapat memberi banyak impak positif kepada kedua-dua universiti dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan penyeliaan.

1. Majlis menandatangani surat hasrat antara FTKKI dan UNIKOM yang disaksikan oleh TNCA, Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim dan Pengarah PPIJM, Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan.
2. Persembahan kebudayaan oleh para peserta dari Indonesia.
3. Lawatan ke Kampung Budaya Terengganu.
4. Para peserta bergambar bersama hasil batik di Lambo Sari.
5. Melawat Masjid Kristal sambil menghayati seni bina masjid.
6. Para peserta diberi peluang mencuba sendiri mewarna batik.
7. Salah seorang peserta mencuba menggoreng keropok menggunakan pasir pantai di Kampung Budaya Terengganu.

Bengkel Pemprosesan Produk Sahut Langkah Kerajaan Ke Arah Keterjaminan Makanan

Oleh:
Prof. Madya Dr. Nurul Ulfah Karim
Farizan Abdullah
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan



Keterjaminan makanan merupakan suatu isu penting di Malaysia sejak kebelakangan ini. kerajaan berusaha memastikan penduduk negara mendapat akses kepada makanan yang selamat, berkhasiat dan berpatutan. Sebagai salah satu sektor pengeluar makanan negara, sektor perikanan bertanggungjawab untuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat untuk penduduk Malaysia.

Pusat Kecemerlangan Tinggi (HICoE), Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), di bawah Program Kesihatan Shellfish dan Kualiti Makanan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Bengkel Pemprosesan Produk *Freshwater Fish & Shellfish*. Bengkel ini telah berlangsung selama tiga hari disertai oleh kakitangan Jabatan Perikanan Sabah.

Menurut Pengarah Bengkel, Prof. Madya Dr. Nurul Ulfah Karim, tujuan utama bengkel ini adalah bagi memperkasa modal insan dalam bidang pemprosesan produk berasaskan ikan air tawar dan kerangan. Selain itu, peserta bengkel

juga berpeluang untuk mempelajari ilmu dan teknologi terkini serta mendapat idea baharu bagi tujuan komersial dan inovasi produk berasaskan ikan air tawar dan kerangan.


Dengan itu kelestarian dalam pembangunan dan penghasilan komoditi makanan akan berterusan. Ia juga komponen penting dalam isu keterjaminan makanan yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Jaminan Makanan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) iaitu keadaan di mana semua lapisan masyarakat mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dimakan dan berkhasiat serta ia memenuhi keutamaan dan keperluan pemakanan untuk kehidupan yang aktif dan sihat pada setiap masa.

Bengkel Pemprosesan Produk *Freshwater Fish & Shellfish* ini turut memperkenalkan enam produk iaitu *prawn snack*, *prawn cube*, *anchovy cube*, serunding ikan, keropok sira dan sambal kering ikan bilis. Kesemua produk inovasi ini telah mendapat kelulusan *Intellectual Property; Trade secret*.

1. Encik Rocky, peserta dari Jabatan Perikanan Sabah sedang menyediakan produk sambal kering ikan bilis.
2. Taklimat ringkas dari penceramah, Prof. Madya Dr. Nurul Ulfah Karim mengenai penyediaan produk prawn snack.
3. Para peserta bengkel sedang menyediakan produk keropok sira.

Alumni FTKKI Sedia Peluang Latihan Industri kepada Bakal Alumni

Oleh:
Fatimah Adilah Binti Abd Ghani
Pusat Alumni



Penyumbangan kembali alumni bukan sahaja diukur melalui jumlah sumbangan kewangan daripada alumni tetapi juga melalui sumbangan kepakaran dan peluang penempatan kerja kepada bakal alumni.

Pengesanan untuk menjejaki dan menyantuni alumni telah dilaksanakan oleh Pusat Alumni dengan kerjasama Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) yang berjaya menganjurkan Program Jejak Alumni @ Penubuhan Chapter Akademik Alumni Sains Komputer pada 20 Mei 2023 yang lalu di The Pulse Grande, Putrajaya.

Program pengesanan alumni ini juga dijadikan platform strategi untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik UMT 2023-2027 (PSUMT 2023-2027) iaitu bilangan alumni yang terlibat dengan program universiti. Selain itu, program ini juga telah memberikan peluang kepada penyumbangan kembali alumni kepada alma mater.

Kesinambungan hasil daripada program pengesanan, alumni industri telah bersetuju

menawarkan peluang latihan industri kepada bakal alumni di industri mereka.

Terdapat tiga orang alumni industri dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) telah bersetuju untuk memberikan peluang latihan industri iaitu syarikat Ledakan Digital Sdn. Bhd., Syarikat Alfatech Solution Sdn. Bhd. dan eMooVit Technology Sdn. Bhd. Peranan serta kerjasama yang strategik yang erat antara Penyelaras Alumni Fakulti dengan alumni industri dalam merealisasikan penempatan bakal alumni untuk latihan industri berjalan lancar seiring perancangan PEHTA 2023-2027 dan pembangunan fakulti.

Dengan peluang dan ruang yang diberikan oleh alumni industri Sains Komputer kepada UMT akan menyemarakkan lagi alumni industri program pengajian lain untuk turut kembali menyumbang kepada alma mater. Pusat Alumni sedia untuk menjadi perantara antara alumni industri dengan bakal alumni dengan kerjasama Penyelaras Alumni Fakulti untuk penawaran tempat latihan industri.

1. *Perbincangan bersama Dr Hairi, CEO eMooVit Tech Sdn. Bhd..*
2. *Perbincangan Bersama Mohamad Aref bin Jalaludin, alumni Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat Kejuruteraan Perisian (2011) yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Syarikat Alfatech Solution Sdn. Bhd..*
3. *COO Syarikat Ledakan Digital Sdn. Bhd. dan Pengurus Besar Ledakan Digital Marketing, Encik Muhamad Ridhwan Musa, alumni Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat Kejuruteraan Perisian (2009) meluangkan masa dalam perbincangan bersama Ketua Program Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) Dr. Farizah Yunus, Penyelaras 2u2i, Dr. Azliza binti Che Mat dan Prof. Madya Ts. Dr. Masita@Masila binti Abdul Jalil.*

FPSM Kongsi Ilmu Bersama Warga Emas Hasilkan Aneka Tart

Oleh:

Fadlina Yusof

Suhana Muhamad Hanidun

Fakulti Perikanan dan Sains Makanan



Kepakaran dan pengetahuan dalam bidang pastrri dan bakeri yang dimiliki oleh kakitangan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) telah dikongsi bersama 15 orang warga emas di sekitar daerah Kuala Nerus. Kursus Penghasilan Aneka Tart bersama warga emas telah dilaksanakan pada 27 Julai 2023 di Makmal Asas Penyediaan Makanan, FPSM. Kursus ini telah dijayakan oleh warga FPSM yang terdiri daripada kakitangan akademik dan kakitangan sokongan makmal.

Menerusi kursus yang berkonsepkan *semi hands-on* ini, para peserta telah diajar cara untuk menghasilkan dua jenis doh tart iaitu doh manis dan doh tart *savoury*. Bagi doh manis, padanan inti yang sesuai adalah seperti adunan keju krim dan *chocolate ganache*, manakala bagi doh *savoury*, inti yang bersesuaian adalah seperti tuna dan ayam. Peserta turut diperkenalkan dengan teknik *blind-bake* yang boleh diaplikasikan untuk menghasilkan pelbagai jenis tart.

Kursus dimulakan dengan sesi demonstrasi penghasilan tart berinti coklat oleh Dr. Siti Nur` Afifah Jaafar, diikuti demonstrasi penghasilan *quiche* berinti cendawan ayam oleh Dr. Wan Hafiz Wan Zainal Shukri. Para peserta seterusnya dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap kumpulan perlu menyediakan dua jenis tart di stesen kerja masing-masing sambil dipantau oleh kakitangan yang bertugas.

Kesemua peserta menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi sepanjang kursus berlangsung. Para peserta berpeluang mempelajari dan mempraktikkan teknik penghasilan tart yang betul daripada proses mengadun sehingga selesai membakar dan menghias tart.

Di akhir kursus ini, para peserta berasa teruja apabila dapat membawa pulang aneka tart yang telah dihasilkan untuk dinikmati bersama ahli keluarga. Turut serta dalam kursus ini ialah isteri Naib Canselor UMT, mantan Bendahari UMT dan Pengerusi Pusat Aktiviti Warga Emas daerah Kuala Nerus.

Alumni Chapter Melaka Berhasrat Laksana Kemasyarakatan

Oleh:
Noorullaily binti Saffain
Pusat Alumni



Pada 17 Jun 2023 telah diadakan Program Jejak Alumni @ Penubuhan Chapter Alumni Zon Melaka bertempat di Imperial Heritage Hotel, Melaka. Program yang berkonsepkan mesra dan santai ini memberi ruang kepada alumni yang hadir beramah mesra mengeratkan silaturahim dan saling berkongsi pengalaman mengenai kerjaya masing-masing. Program ini telah diilhamkan oleh Mohd Zahier Mohd Yusoff, alumni yang bertugas sebagai kaunselor di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM). Beliau juga telah bersetuju untuk menjadi pengasas Chapter Alumni Zon Melaka. Melalui program ini, seramai sembilan orang alumni telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi.

Alumni UMT Chapter Melaka juga berhasrat untuk melaksanakan program

Universiti-Komuniti-Alumni bagi negeri Melaka terutamanya melibatkan aspek kemasyarakatan dan sosioekonomi. Cadangan kertas kerja akan dimajukan kepada Pusat Alumni bagi tujuan perbincangan lanjut untuk komitmen peruntukan kewangan dan penglibatan alumni usahawan.

Pusat Alumni amat menghargai sokongan yang diberikan oleh semua ahli yang komited dalam menjayakan program ini. Tanpa sokongan daripada alumni, amat mustahil segala perancangan yang disusun mampu membuahkan hasil. Walaupun komitmen kerjaya dan keluarga sentiasa menjadi halangan dalam setiap program yang dianjurkan, namun ia tidak menjadi halangan untuk proses pengesanan dan pemerkasaan alumni UMT.

1. Barisan Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi Chapter Alumni Zon Melaka.
2. Perbincangan Khas Penubuhan Alumni Chapter Zon Melaka.

RENUNGAN

SOLUSI KEHIDUPAN DENGAN TERAPI ZIKIR ASMA'UL HUSNA AL-KHALIQ (SIRI 13)

oleh:

Mohd Radhi bin Abu Shahim
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Pengenalan

Di antara nama-nama Allah SWT dalam rangkaian Asma'ul Husna ialah Allah al-Khaliq iaitu nama Allah Yang Maha Pencipta. Allah SWT menjelaskan di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

(Al-Baqarah 2:29)

“Dan Dia lah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar (paksinya) terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas)”.

(Al-Anbiyaa' 21:33)

Perbincangan

Apabila kita berbicara mengenai nama Allah al-Khaliq, kita akan berbicara tentang penciptaan Allah SWT daripada lima perkara iaitu penciptaan malaikat, makhluk-makhluk yang dicipta di bumi, manusia dan jin, manusia sahaja dan umat Muhammad SAW sahaja.

Malaikat

Malaikat diciptakan dengan tugas-tugas tertentu dan sifatnya sentiasa taat dan tidak pernah mengingkari arahan Allah SWT. Tugas-tugas malaikat antaranya ialah Malaikat Jibril berperanan menyampaikan wahyu kepada rasul-rasul Allah. Malaikat Mikail tugasnya memberikan rezeki kepada makhluk dan Malaikat Israfil tugasnya meniup sangkakala pada hari kiamat. Manakala Malaikat Izrail tugasnya mencabut nyawa, Malaikat Munkar tugasnya menyoal orang di dalam kubur yang berbuat keburukan, Malaikat Nakir tugasnya menyoal orang di dalam kubur yang berbuat kebaikan, Malaikat Raqib tugasnya mencatat amal baik manusia selama hidup, Malaikat Atid tugasnya mencatat amal buruk manusia semasa hidup, Malaikat Malik tugasnya menjaga pintu neraka dan Malaikat Ridwan tugasnya menjaga pintu syurga. Apa kaitannya kejadian makhluk malaikat dengan kehidupan manusia?

Malaikat berperanan seperti membisikkan ilham-ilham yang baik kepada manusia (Malaikat Mulhim), berbeza dengan syaitan yang membisikkan dengan bisikan

yang jahat. Malaikat juga membantu manusia dalam keadaan yang kita tidak sedar seperti yang terjadi dalam perang badar. Selain itu, malaikat juga memohon doa dan kemampuan bagi manusia bagi amalan-amalan soleh yang dilakukan seperti beberapa hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Barangsiapa yang berjalan menuntut ilmu, maka Allah mudahkan jalannya menuju Surga. Sesungguhnya Malaikat akan meletakkan sayapnya untuk orang yang menuntut ilmu karena ridha dengan apa yang mereka lakukan. Dan sesungguhnya seorang yang mengajarkan kebaikan akan dimohonkan ampun oleh makhluk yang ada di langit maupun di bumi hingga ikan yang berada di air.” (HR. Muslim)

Makhluk-makhluk di bumi dan alam sekeliling

Makhluk-makhluk di bumi dan alam sekeliling yang Allah SWT ciptakan sama ada yang boleh dilihat atau tidak (bakteria, virus) adalah untuk keperluan dan manfaat manusia. Tidaklah dijadikan sesuatu makhluk itu dengan sia-sia tanpa memberi manfaat pada manusia. Hal ini seperti dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

“(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”.

(A-li’Imraan 3:191)

Makhluk-makhluk ini juga akan menjadi saksi di akhirat kelak dengan perbuatan kita semasa kehidupan kita di dunia. Oleh demikian, sebagai manusia kita perlu sentiasa berhati-hati dan berbuat baik pada semua makhluk di dunia. Jika tidak menyantuni makhluk di alam ini maka kesannya amatlah buruk seperti dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

(Surah ar-Rum, ayat 41)

Jin dan manusia

Tujuan penciptaan manusia dan jin adalah untuk beribadat kepada Allah SWT. Hal ini disebutkan dalam ayat yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”.

(Adz-Dzaariyaat 51:56)

Sebagai manusia, kita diharamkan untuk meminta pertolongan daripada jin dengan jalan sihir, santau dan sebagainya. Hal ini akan membuatkan kehidupan manusia akan dilaknat dan hukumnya adalah haram. Oleh demikian, jika inginkan sesuatu hajat maka beramallah dengan ayat-ayat al-Quran yang banyak keberkataan-Nya.

Manusia sahaja

Selain daripada mengabdikan diri kepada Allah SWT, Manusia juga diciptakan sebagai khalifah atau pengurus di muka bumi ini. Ini bertepatan dengan keterangan ayat yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.

(Al-Baqarah 2:30)

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”.

(Al-Israa’ 17:70)

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)”.

(At-Tiin 95:4)

Oleh demikian, apabila manusia berhadapan dengan sesuatu musibah, manusia tidak boleh rasa berputus asa, tetapi perlu berusaha dan mengurus masalah tersebut kerana manusia itu telah diberi kekuatan, kemuliaan dan potensi untuk mengatasinya. Ini bersesuaian dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri...”

(Ar-Ra’d 13:11)

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

(Az-Zumar 39:53)

Rasullullah SAW adalah insan yang paling banyak diduga dengan pelbagai masalah, tetapi Rasulullah SAW sentiasa tetap tenang dan tersenyum. Maka bukanlah masalah itu yang besar tetapi cara mengurus masalah itu perlu betul.

Khusus umat Nabi Muhammad

Umat Nabi Muhammad SAW adalah berbeza dengan umat Nabi Musa AS, Nabi Isa AS dan umat-umat terdahulu. Hal ini disebutkan dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)”.

(A-li’Imraan 3:110)

Kita ialah umat Nabi Muhammad SAW yang terakhir. Tidak ada lagi Nabi dan Rasul akan turun untuk menyampaikan lagi risalah dari Allah SWT, Oleh itu umat Nabi Muhammad SAW adalah umat yang menyeru kebaikan, melarang perbuatan mungkar dan beriman kepada Allah SWT. Oleh hal demikian janganlah takut untuk menegur demi kebaikan, jika tidak mampu dengan tangan, maka dengan kata-kata, jika tidak mampu maka bencilah dengan hati dan terus berdoa. Hari ini kenapa maksiat dan kerosakan berleluasa, Hal ini kerana budaya menegur kemungkaran semakin terhapus.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, kita sebagai manusia berwataklah dengan tujuan kita diciptakan iaitu sebagai hamba Allah SWT, sebagai pengurus di bumi dan jadilah insan yang sering menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Realiti kehidupan ini dijadikan dengan pelbagai jenis ujian, maka sebagai manusia, yakinlah bahawa setiap amalan yang baik dan ikhlas kerana Allah SWT akan dibantu oleh-Nya secara langsung atau tidak langsung walaupun ianya amat sukar dilakukan. Maka teruslah berusaha tanpa berputus asa pada Allah SWT kerana dengan mengeluh tidak dapat mengubah apa-apa.

